

27 MAR 1999

Chong-Tambang

PENGURANGAN TAMBANG UDARA KE SABAH MUNGKIN, KATA CHONG

KOTA KINABALU, 27 Mac (Bernama) -- Tambangan penerbangan ke Sabah dijangka dikurangkan apabila syor mengenainya diterima dan diluluskan selepas kajian menyeluruh terhadap struktur tambang, kata Menteri Negeri bagi Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Datuk Chong Kah Kiat hari ini.

Menurut beliau, tambang udara yang mahal antara Semenanjung dan Sabah menjadi penghalang kepada usaha-usaha menggalakkan pelancongan dan Kerajaan Persekutuan sedar sektor itu mempunyai potensi besar sebagai sumber pendapatan bagi negara dan negeri.

Chong berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Pendidikan British '99 di sini.

Mengenai lebih banyak penerbangan terus ke Sabah, Chong berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi kelulusan bagi penerbangan sewa khas sebanyak mungkin ke Sabah.

Beliau berkata dengan itu bermula tahun depan Sabah boleh menjangkakan penerbangan sewa khas terus dari Sweden dan Denmark dan ini akan membawa lebih banyak pelancong ke negeri itu.

Chong berkata, beliau akan bertemu Dr Mahathir minggu depan untuk memberi taklimat kepadanya mengenai usaha-usaha yang diambil bagi merangsangkan lagi sektor pelancongan di Sabah.

Mengenai jangkitan Japanese Encephalitis (JE), Chong berkata jangkitan itu terhad di Negeri Sembilan dan Perak sahaja.

"JE bukan masalah di Sabah ... ia selamat (untuk makan daging babi) dan saya telah dinasihatkan oleh pakar-pakar perubatan dan veterinar ia tidak pernah menjadi masalah di sini.

Chong berkata, pihak berkuasa perubatan dan veterinar di negeri itu telah mengambil langkah berjaga-jaga dari awal lagi dan pendekatan itu menyebabkan orang ramai beranggapan wujud masalah JE di sini.

Mengenai Jabatan Alam Sekitar bagi Sabah, Chong berkata Kabinet telah meluluskan penubuhannya di bawah Kementerian negeri itu.

-- BERNAMA

EL PR